

30/08/1998

Harapan sidang NAM di Durban

SIDANG Puncak Pergerakan Berkecuali (NAM) di Durban, Afrika Selatan minggu ini diadakan dalam suasana yang amat gawat baik dari segi politik mahupun ekonomi. Soal keselamatan dan kedaulatan negara sudah tentu menjadi perhatian. Ini tidak menghairankan kerana pelbagai krisis masih berlarutan di beberapa negara Afrika. Yang terakhir di Republik Demokratik Congo apabila Presiden Laurent Kabila dengan bantuan tentera jiran Angola dan Zimbabwe dapat mematahkan pemberontakan yang didakwanya dibantu Rwanda dan Uganda.

Lebih merunsingkan ialah pengeboman di Nairobi (Kenya), Dar es Salam (Tanzania) dan Cape Town di Afrika Selatan sendiri. Suasana getir ini menjadi lebih meruncingkan dengan tindakan melulu Amerika Syarikat menyerang dan memusnahkan kilang ubat Ashifa di Khartoum, Sudan dan sebuah khemah latihan Taliban di Afghanistan. Amerika bertindak samseng dan wewenang tanpa menghiraukan undang-undang antarabangsa kerana marahkan pengganas. Tetapi ia tidak pula boleh memberikan bukti sahih kedua-dua sasarannya itu ada kaitan dengan pengganas antarabangsa.

Apakah hanya kerana ia sahaja kini berkuasa ia boleh bertindak sesuka hati? Apa bezanya Amerika jika dibandingkan dengan pengganas antarabangsa. Malah tindakannya itu lebih membimbangkan. Beberapa pakar Barat dari Britain dan Itali menyatakan mustahil kilang ubat Ashifa itu boleh mengeluarkan bahan kimia untuk membuat VX, suatu ejen racun saraf sebagaimana didakwa Amerika. Tentulah mereka ini lebih arif kerana mereka secara langsung bertanggungjawab ke atas pembinaan serta operasi kilang itu. Sudan sendiri rela kilang itu diperiksa pasukan antarabangsa bagi menentukan apakah dakwaan Amerika itu benar. Jelas sekali Amerika kali ini salah langkah. Sudah tentu Sudan akan mengemukakan persoalan ini di sidang kemuncak itu.

Walaupun tumpuan semestinya diberikan kepada isu pergolakan politik, keselamatan dan keganasan antarabangsa soal kegawatan ekonomi tidak seharusnya diketepikan. Apa kurangnya spekulator antarabangsa dengan pengganas antarabangsa? Mereka ini sudah membawa kecelakaan ke atas jutaan rakyat di dunia. Bermula dengan Thailand dan diikuti oleh Korea Selatan, Indonesia, Malaysia dan kini rakyat Jepun, China dan Russia juga menderita. Mereka berpindah dari satu negara ke satu negara lain dan setiap kali membawa padah kepada negara yang diserang. Beberapa hari lalu Hong Kong menjadi sasaran dan akhir-akhir ini Russia menghadapi keadaan yang begitu teruk sekali kerana tekanan ke atas mata wang roublesnya. Kini ramai melahirkan kebimbangan kemerosotan mungkin menular ke seluruh dunia.

Mulanya diharapkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menerajui perbincangan mengenai krisis kewangan yang melanda sekian banyak negara. Tetapi beliau kini terpaksa membatalkan kehadirannya kerana beberapa perkembangan terkini dalam negara. Jadualnya yang terlalu ketat beberapa hari lalu untuk menemui rakyat di seluruh negara bagi menjelaskan kedudukan ekonomi negara sekarang sememangnya amat meletihkan. Diharapkan tanpa kehadirannya isu itu tetap akan mendapat perhatian.

Afrika Selatan sebagai tuan rumah pasti akan memberi tumpuan terhadap krisis ekonomi kerana ia sendiri menjadi sasaran apabila nilai mata wangnya juga merosot kerana serangan spekulator antarabangsa. Mereka ini sering berpindah-pindah dari suatu sasaran ke sasaran lain hanya untuk mengaut keuntungan tanpa menghiraukan padahnya ke atas rakyat tempatan. Kesulitan rakyat kerana kemelesetan ekonomi hasil daripada serangan mereka

ke atas pasaran modal tidak menjadi perhitungan. Yang penting mereka mengaut keuntungan, lebih banyak lebih baik. Kini sudah tiba masanya kegiatan mereka ini dikawal sebagaimana sering disuarakan oleh Dr Mahathir. Diharapkan NAM tidak ketinggalan untuk menyokong usaha ini demi kepentingan ekonomi dunia.

(END)